

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 50 RABU 14 DISEMBER, 1966.

رابو 1 رمضان 1386

PERCHUMA



D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan semasa Baginda bertitah dari Singgahsana ketika merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 12 Disember, 1966.

D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Berdo'a Mudah2an Ra'ayat Brunei Memberikan Kerjasama Bagi Mempertahankan Nama Baik Negara

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin bertitah bahawa Baginda berdo'a mudah2an ra'ayat Brunei memberikan kerjasama bagi mempertahankan keselamatan, keamanan dan nama baik Brunei Darul Salam sentiasa.

Baginda telah melafadzkan titah ucapan tersebut dari Singgahsana ketika Baginda merasmikan pembukaan Sidang Belanjawan bagi Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 12 Disember, 1966.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan sa-penoh-nya di-

upachara tersebut ada-lah saperti berikut:

"Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Ahli2 Majlis Mashuarat.

Pada kala mashuarat Belanjawan tahun lalu, malangnya Beta sendiri telah tidak dapat menyampaikan titah ucapan kepada Yang Berhormat2 di-sebabkan oleh ke-

tiadaan diri Beta di-Negeri ini. Alhamdulillah bahawa pada tahun ini Beta dapat mengambil peluang berucap kepada Ahli2 Yang Berhormat di-Mashuarat Belanjawan ini.

Tahun yang lalu telah menampakkan kepada kita kemajuan yang terus-menerus dalam lapangan perkembangan. Kerajaan Beta berusaha sa-telah memfahami be-

LIHAT MUKA 5.

Umat Islam Di-Negeri Brunei Berpuasa Mulai Hari Ini

BANDAR BRUNEI.—Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dengan kerjasama Pegawai2 dari Jabatan Ukur Negeri Brunei telah tidak dapat melihat anak Bulan Ramdhan tahun Hijrah 1386 pada petang hari Ithnin 12 Disember, 1966.

Oleh yang demikian, de-

ngan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, maka Pengerusi Majlis Penasehat Islam Negeri Brunei mengishtiharkan bahawa permulaan Puasa bagi Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei ialah pada hari Rabu 14 Disember, 1966 ia-itu hari ini.

Hari ini juga ada-lah Hari Kelepasan Awam di-seluruh Negeri Brunei.

Gambar yang bersejarah ini diambil sa-lepas D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 12 Disember, 1966.



HIKMAT PUASA BULAN RAMDZAN

Di-Susun oleh: Ustadz Md. Yusoff Azzam Yasin

Di-Keluarkan oleh

Badan Penerangan Ugama Islam Brunei

SA-TELAH kita berlalu sa-belas bulan mengembara jauh di-tengah2 lautan kezalazatan dan di-tengah2 semudra kanikmatan makanan dan minuman dan sa-telah kita siap sedia mengumpulkan b e r m a c h a m 2 bekal dan persiapkan untuk sa-tahun, maka sekarang sampai-lah masanya kita berehat buat sementara daripada makan, minum bersenda gurau dengan isteri kita pada siang hari, dan juga telah sampai masanya kita menekmati segala2 bekal dan persiapan yang kita ushakan selama sa-tahun itu lebeh2 lagi nikmat jiwa, nikmat iman nikmat tenaga semangat yang senantiasa bernyala2 dan berkubar2 dalam menghadapi seribu satu macham so'al hidup dengan penoh sabar, tenang dan selamat.

Kita Umat Islam seluroh dunia pada bulan ini sepatat dan sa-pendapat bagi melahirkan suatu perasaan hati yang penoh shukur dan kegembiraan kerana dengan ada-nya bulan yang mulia ini Umat Islam dalam semua peringkat dan lapisan berada dalam darjah yang sama dan dalam satu bentuk peribadatan, ia-itu pada sa-belah malam sama2 kita mengerjakan sembahyang sunat tarawekh dan tadarus membaccha Kitab Suchi Al-Qur'an di-Masjid2 dan di-Surau2 dan pada hampir suboh pula sama2 kita makan sahur pada siang hari selama lebeh kurang 13 jam sama2 kita berpuasa, berlapar, berdahaga, bersabar, dan bertenang dan seterusnya pada petang hari kira2 jam 6 1/2 atau lebeh sedikit kita bersama2 terbuka menekmati segala juadah atau makanan yang sedia terhidang dengan beranika jenis itu. Andai-nya Bulan Ramdzan ini sa-benar-nya bulan yang paling istimewa dari bulan2 yang lain, bulan berkat, bulan bertanam dan mengetam sa-terus-nya bulan pembuka selera kapada mereka2 yang beriman dan insaf.

MENDAPAT PAHALA

Allah s.w. telah mewajibkan kita Umat Islam berpuasa pada bulan Ramdzan ini ia-lah kerana memberi peluang dan kesempatan kapada kita bagi menyempurnakan amal ibadat kapada-nya, bagi mendapatkan keredza'an-nya. Maka bila di-sebut sahaja amal ibadat dan keredza'an sudah barang tentu akan di-

beri berlimpat ganda lagi pahala balasan daripadanya, pahala kebajikan yang di-harap2 oleh yang beriman dan orang yang insaf. Ya, di-samping itu pula, kita Umat Islam berpeluang mendapat beberapa pengajaran dan pelajaran serta latehan2 dari pancharan2 hikmat yang terdapat dalam puasa itu, untuk menjadi sa-orang manusia yang sempurna, menjadi sa-orang Islam yang mulia pada sisi Allah dan manusia seluroh-nya.

Maka jika kita selidiki dan kita amat2ti puasa itu bukan sahaja di-suroh menahan diri kita daripada makan dan minum yang biasa berlaku itu, kerana kalau hanya puasa itu tidak makan dan tidak minum sahaja, hampir semua orang boleh melakukannya. Tetapi yang berat-nya puasa bagi sa-orang ia-lah menahan diri dari dugaan hawa napsu, gudaan iblis dan shaitan sa-hingga ada orang yang berpuasa sanggup melakukan perkara2 yang di-tegah oleh shara, seperti chachi menchachi berdusta, maki hamun, berkelahi, mengumpat, menchuri, meninggalkan sembahyang fardzu, berbual2 dan sa-bagai-nya, yang kesemua-nya itu perkara2 yang sangat di-tegah oleh shara' pada sa-orang yang mengerjakan puasa kerana perkara2 yang tersebut ia-lah pekerjaan iblis, perbuatan dan gelora hawa napsu yang sangat2 di-keji oleh Allah S.W., jadi kira-nya orang yang berpuasa melakukan perkara yang keji itu pada hal diri-nya sedang bersusah payah meninggalkan makan dan minum maka puasa-nya itu ada-lah di-ibaratkan seperti sa-orang membuat kebun yang di-tanam di-dalam-nya dengan berbagai2 sayur2an dan buah2an sedang penyakit2 yang merbahaya yang boleh merosakkan dan menjahanamkan tanaman tersebut seperti ulat2 siput2, serangga2 dan binatang2 lain-nya tidak di-jaga dan di-hapuskan dari kawasan perkebunan tersebut, maka bagaimana-kan tanaman2 tersebut boleh memberi penghasilan yang baik, dan adakah sanggup pekebun itu mengakui tanaman-nya itu akan mendapatkan hasil dan keunto-

ngan kapada-nya. Ya, saya yakin tidak sa-orang pun yang akan sanggup mengakui hasil perkebunan yang sedang di-serang oleh musuh-nya itu akan mendapat keuntungan di-atas kerja2-nya itu. Kalau demikian sama-lah juga seperti sa-orang yang mengerjakan puasa dengan berlapar dahaga pada siang hari, tetapi segala2 kehendak iblis, shaitan dan hawa napsu tidak di-kawal dan di-hapuskan berse2 dari hati sanubari dan 'amal anggota orang yang berpuasa, maka hasil puasa-nya kelak hanya-lah semata2 penat lelah, lesu dan lapar dahaga sahaja sedang pahala yang di-harap2 kosong tiada suatu-pun.

Oleh yang demikian segialah tuan2 dan puan2 serta awang2 dan dayang2 kita peliharakan dan kita jaga puasa kita itu dari perkara2 yang boleh mengurangkan pahala, lebeh2 lagi daripada perkara2 yang boleh membatalkan-nya kerana tidak ada sa-orang pun daripada jumlah orang yang puasa yang berkehendak bahawa puasa-nya itu tidak memberi sebarang keuntungan dan faedah kapada-nya.

FAEDAH PUASA

Di-sini perlu rasa-nya saya memberikan sedikit lagi penjelasan tentang faedah puasa Ramdzan ini ia-itu selain dari sa-orang yang berpuasa itu bertujuan bagi menyempurnakan ibadat kapada Allah yang mengharapkan balasan pahala di-akhirat kelak juga terdapat dalam amalan puasa ini beberapa

latehan jasmani dan didekan rohani terutama kapada orang yang hidup-nya terlalu buas, terlalu bebas dan terlalu mewah. Ya, puasa akan memberi latehan dan didekan sa-penoh-nya kapada kaum muslimin dan muslimat tadi ka-arrah sedia berjuang, sedia ka-arrah berkorban dan sedia menanggung segala bebanan yang di-pertanggung jawabkan kapada mereka. Puasa juga mendidik jiwa supaya senantiasa berlaku sabar, lemah lembut, insaf dan ber-simpati pada sa-bilangan besar nasib ma'anusia dalam dunia ini yang senantiasa dalam kesudahan, kemiskinan, dan kelemahan yang sa-patut-nya mendapat perhatian dan pembela'an dari mereka2 yang berdaya, mendapat bantuan dan sokongan dari mereka yang berkuasa.

Jika menurut ilmu perubatan pula bahawa puasa itu satu bahagian daripada beberapa bahagian latehan jasmani ka-arrah kesehatan dalam perut. Sa-orang yang selalu di-serang penyakit lain2 lagi pun ada-lah sangat2 baik sa-kira-nya sanggup meamalkan usaha kurang makan itu ia-berpuasa, kerana urat2 perut tidak selalu bekerja bagi mengisar makanan yang masuk ka-dalam-nya. Yang demikian akan memberi kerehatan kapada perut dan mengurangkan penderitaan batin sa-orang, dan jika menurut ilmu iktisad (ekonomi) pula bahawa puasa itu ia-lah satu didekan sechra langsung kapada sa-orang supaya hidup-nya senantiasa beringat akan sa-suatu masa kesudahan yang akan menimpa kapada-nya. Yang demikian bila dalam masa mendapat kesenangan jangan lupa membuat harta

LIHAT MUKA 3.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 14 Disember hingga ka-hari Selasa 20 Disember, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
14 Dis.		12.20	3.39	6.16	7.30	4.46	5.01	6.19
15 Dis.		12.20	3.39	6.16	7.30	4.46	5.01	6.19
16 Dis.		12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
17 Dis.		12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
18 Dis.		12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
19 Dis.		12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
20 Dis.		12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh kelihatan dalam gambar ini melepaskan saekor burung merpati sa-lepas beliau merasmikan pembukaan Pasar Gembira anjoran Pengakap2 Daerah Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 3 Disember, 1966 sambil di-saksikan oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh dan lain2-nya.

WAKTU BEKERJA PEJABAT2 KERAJAAN DALAM BULAN PUASA

BANDAR BRUNEI. — Waktu bekerja Pejabat2 Kerajaan di-seluruh Negeri Brunei dalam Bulan Puasa ada-lah saperti berikut:
Tiap2 hari Ithnin hingga khamis dan hari Sabtu daripada jam 8.30 pagi hingga 3.00 petang.

Museum Sangat Berfaedah Kapada Negara

BANDAR BRUNEI. — Pengeterus Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara, Yang Mulia Awang Ali bin Awang Besar yang juga menjadi Pegawai Daerah Brunei dan Muara berkata bahawa Museum itu ada-lah sangat berfaedah kapada negeri ini.

Beliau berkata sa-demikian dalam Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara yang telah di-langsungkan di-Bilek Persidangan Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei pada 7 Disember, 1966.

So'alan mengenai Museum itu telah di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Hashim bin Saman, Ahli Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara bagi Kawasan Kuala Brunei.

Hikmat Puasa Bulan Ramdzan

DARI MUKA 2.

bersungguh2, menyimpan wang sebanyak2-nya untuk persediaan bagi menghadapi sa-suatu masa kesusahan kelak, maka dengan chara ini hidup-nya akan senantiasa bahagia di-samping memberi beberapa perlindungan kapada saudara2-nya yang lain.

Bagi kita Umat Islam, sudah-lah sa-patut-nya menyambut kedatangan bulan puasa yang mulia ini dengan sa-penoh2 keimanan dan sa-penoh2 kikhlasan di-samping mengerjakan ibadat puasa yang

penoh berhikmat itu, tetapi harus-lah berwaspada dan berhati2 waktu meamalkan-nya kerana ibadat puasa juga sama dengan ibadat2 yang lain, ia mempunyai sharat2 dan rukun2 yang tertentu. Oleh itu hendak-lah kita jaga baik2 puasa kita itu daripada rosak dan siasia di-sebabkan ka-gelojohan hawa napsu.

Dalam bulan yang mulia ini juga, kita sangat2 dikehendaki oleh Allah S.W., supaya a membanyakkan bersedekah kapada fakir dan miskin, terutama di-kala hendak terbuka (bersungkal) ia-itu ajaklah sa-orang dua atau lebih mereka itu ka-rumah kita sudah tentu hati mereka itu akan berasa gembira dan dengan chara ini bertambah2-lah mesra-nya perhubungan mereka dengan kita sebagai mana firman Tuhan: maksud-nya Hanya sanya sedakah itu tertutu bagi orang2 fakir dan miskin... hingga-lah ka-akhir ayat, dan firman-nya lagi; maksud-nya; Maka berlumba2-lah kamu pada membuat kebajikan.

Sekian-lah sahaja. Buat akhir-nya saya ucapkan; SELAMAT BERPUASA.

Dalam jawapan-nya itu, Yang Mulia Awg. Ali bin Awg. Besar menegaskan bahawa sa-lain daripada menarek perhatian pelanchong2 dengan barang2 pameran-nya, museum itu dapat-lah menjadi sa-buah tempat untuk mempelajari perkara2 yang bersangkutan paut dengan hal ehwal sejarah dan kebudayaan negara.

BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong, dalam persidangan-nya di-Klab Temburong pada 7 Disember, 1966 telah bersetuju menasehatkan Kerajaan supaya menempatkan sa-orang Doktor Perempuan sa-chara

tetap di-Pekan Bangar.

Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Baha, Ahli Majlis Mashuarat Daerah Temburong bagi Kawasan Puni yang membawa usol tersebut berkata bahawa doktor itu ada-lah sangat berguna kapa-

Pembinaan Pelabohan Muara

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengumomkan dalam minggu lalu bahawa ia telah meminta Sir Bruce White, Wolfe Barry dan rakan2, ia-itu penasehat2 Pelabohan Muara supaya meneruskan kerja2 ka-perengkat rekaan bagi ranchangan Pelabohan Muara.

Penasehat2 itu telah menchadangkan beberapa ranchangan dalam laporan akhir mereka yang telah di-sampaikan kapada Kerajaan pada awal2 tahun ini.

Ranchangan itu menchadangkan bahawa kawasan pelabohan itu di-bena sedikit arah ka-timor laut dari kawasan kampung yang ada sekarang.

Kapal2 yang hendak merapat di-tambatan2 akan melalui terusan yang di-gali pada tempat2 yang tohor.

Pengumuman itu berkata langkah2 pertama penasehat2 itu ia-lah menjalankan kerja yang lebih lanjut bagi menentukan dengan tepat-nya kedudukan pelabohan yang di-chadangkan itu.

KERJA2 MENGGALI

Kerja2 menggali akan di-jalankan di-kawasan itu dan sa-buah bentuk yang menunjukkan pasang dan surut ayer di-kawasan itu akan di-bena bagi membolehkan chadangan2 penggalan di-nilaian dengan sa-penoh-nya.

Dokuman2 kontrak kemudian-nya akan di-siapkan berdasar kapada hasil2 penilaian itu.

Kerajaan berharap bahawa dengan ada-nya pelabohan ayer dalam di-Muara maka Negeri Brunei tidak lagi akan bergantung kapada perkhidmatan kapal2 kecil dari Labuan.

Pelabohan ayer dalam saperti di-Muara Besar itu membolehkan kapal2 besar dan laju dari Singapura dan lain2 negeri menghantarkan barang2 sa-chara langsung ka-Brunei.

Bagaimana pun, Tambatan Bandar Brunei akan terus di-gunakan oleh kapal2 kecil yang tertentu.

Doktor Perempuan Di-Kehendaki Untuk Berkhidmat Di-Bangar

da ibu2 yang mengandung dan juga kanak2.

Majlis Mashuarat Daerah Temburong itu juga telah bersetuju menasehatkan Kerajaan supaya memasang sa-buah Steshen Pemancharan Radio di-Daerah Temburong.

"SELDADU2 MESTI-LAH MEMPUNYAI SEMANGAT ROHANI YANG LEBEH TINGGI DARI ORANG2 KEBANYAKKAN"

--kata Awang J.R.H. Burns

BERAKAS. — Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J.R.H. Burns telah memeriksa Barisan Tamat Latehan seramai 54 orang rekrut2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei dari pengambilan yang ke-tujuh di-Kawasan Perbarisan A.M.D.B. di-Berakas Kem pada pagi hari Sabtu 10 Disember, 1966. Rekrut2 itu telah tamat berlately pada hari tersebut sa-telah mereka menjalani latehan samanjak 8 Ogos, 1966.

Perbarisan itu telah diadakan di-bawah pimpinan Leftenan Muda Awangku Hasnan bin Pengiran Ahmad. Pelately2-nya ia-lah Sarjan Alias bin Md. Salleh, Sarjan Samad bin A. Yusoff, Kopral Taha b. Hj. Mohd. Yusoff, Kopral Awang Jaya bin Mohammad, Kopral Talib bin Arshad dan Kopral Maimon bin Bakar.

Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J.R.H. Burns telah di-iringi oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Leftenan Kolonel H.F. Burrows sa-masa beliau memeriksa perbarisan tersebut.

Ramai Pegawai2 dan angota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei serta orang ramai telah menyaksikan perbarisan itu.

Turut mengambil bahagian dalam upacara tersebut ia-lah Pasokan Pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.


Awang Burns juga telah menyampaikan Mangkok2 Perak kepada rekrut yang terbaik sekali dan penembak yang terbaik sekali di-antara rekrut2 tersebut di-upacara perbarisan itu.

Rekrut Mohd. Ali bin Hadi telah memenangi Mangkok Perak untuk rekrut yang terbaik sekali, manakala Rekrut Mohammed Sabli bin Haji Mohiddin pula telah memenangi Mangkok Perak untuk penembak yang terbaik sekali.

Dalam ucapan Awang Burns di-majlis tersebut beliau menegaskan bahawa Seldadu2 mesti-lah mempunyai SEMANGAT ROHANI yang lebih tinggi dari orang2 kebanyakan — Semangat ini ia-lah keta'atan dan disiplin peribadi sendiri dan kebulehan atau kemampuan mereka menjalankan tugas, walau pun dalam ketakutan, bahaya dan lelah.

Ketika berucap di-upacara tersebut Awang Burns berkata bahawa beliau rasa terhormat terhadap jempunan kapada beliau untuk memeriksa Barisan Tamat Latehan rekrut2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei itu.

Kapada rekrut2 baru A.M.D.B. yang telah tamat latehan itu Awang Burns berkata: "Perkhidmatan kamu terhadap nosa dan nega-



ra baharu sahaja bermula dan dia ada-lah satu tanggong jawab yang sangat besar.

Badan ada-lah sentiasa di-kehendakki kuat dan sehat dengan mengadakan latehan2 yang tidak berhenti2. Satu badan ada-lah di-kehendakki boleh tahan dalam apa kesudahan sekali dalam keadaan yang burok.

Dalam matalamat pekerjaan kamu ia-lah menjadikan diri kamu menimbak dengan baik—baik dalam segi fieldcraft, sa-orang pahlawan yang bijak dan pasokan yang lebih baik dari lawan.

Selanjut-nya Awang Burns menegaskan, "Bermegah-lah dengan tugas kamu dan Regiment kamu, tetapi janganlah kamu bermegah dengan perhubungan kamu sa-hari2 dengan orang ramai.

Hendak-lah kamu berbaik2 dan berbudi bahasa dengan mereka yang baik dan lemah. Hendak-lah selalu di-ingati yang jika sa-orang seldadu berkelakuan tidak baik, dia akan menjadikan nama semua sekali Regiment ini busok.

Ada-lah jua amat mustahak, mengeratkan perhubungan yang sangat baik dengan saudara2 kamu dalam Pasokan Polis dan yang ada di-lain2 Jabatan Kerajaan.

Walau pun pekerjaan



Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J.R.H. Burns kelihatan sedang menyampaikan Mangkok Perak kepada Rekrut Awang Mohd. Ali bin Hadi ia-itu Rekrut Yang Terbaik Sekali di-upacara Barisan Tamat Latehan rekrut2 baru A.M.D.B. di-Berakas Kem pada pagi hari Sabtu yang lalu. Di-sa-belah kanan sekali dalam gambar ini ia-lah Rekrut Awang Mohammed Sabli bin Haji Mohiddin yang sedang menunggu giliran-nya untuk menerima Mangkok Perak untuk Penembak Yang Terbaik Sekali antara rekrut2 baru A.M.D.B. itu.

Gambar ini di-ambil di-upacara Barisan Tamat Latehan rekrut2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas Kem pada pagi hari Sabtu 10 Disember, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J.R.H. Burns sedang memeriksa perbarisan tersebut.

orang2 Polis ada-lah berlainan dari tugas2 kamu, tetapi tujuan-nya ada-lah juga di-halakan terhadap keselamatan penduduk2 Negeri Brunei.

Ketika mengakhiri ucapan beliau, Awang Burns telah menguchapkan sa-moga rekrut2 tersebut maju jaya dalam tugas mereka yang baharu itu.

Perbarisan Tamat Latehan Rekrut2 Baru A.M.D.B.

SATU Upacara Perbarisan Tamat Latehan rekrut2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei dari pengambilan ke-tujuh, ia-itu berjumlah seramai lima puluh empat orang telah di-langsungkan di-Kawasan Perbarisan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas kem pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Rekrut2 itu, di-bawah pimpinan Leftenan Muda Awangku Hasnan bin Pengiran Ahmad, telah berbaris dengan chergas pada masa di-langsungkan upacara Perbarisan Tamat Latehan mereka pada pagi hari tersebut, dengan memperolehi kepujian daripada para penonton.

Dalam pada itu, rekrut2 itu telah juga mende-ngarkan ucapan yang bersemangat yang di-lafadzkan oleh Pegawai Yang Memeriksa Perbarisan tersebut, ia-itu Persuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Awang J.R.H. Burns.

Dalam ucapan yang bersemangat itu, Awang Burns menegaskan bahawa Seldadu2 mesti-lah mempunyai Semangat Rohani yang lebih tinggi dari orang2 kebanyakan dan Semangat itu ia-lah keta'atan dan disiplin peribadi sendiri dan kebulehan atau kemampuan mereka menjalankan tugas, walau pun dalam ketakutan, bahaya dan lelah.

Di-samping itu, antara-nya Awang Burns berkata kepada rekrut2 tersebut bahawa perkhidmatan mereka terhadap nosa dan negara baharu sahaja bermula dan dia ada-lah satu tanggong jawab yang sangat besar sambil beliau menguchapkan sa-moga rekrut2 itu maju jaya dalam tugas mereka yang baharu itu.

Sambutan2 Akhir Tahun S.M.M.P.

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei telah mengadakan satu Pameran Lukisan di-bangunan S.M.M.P. pada pagi hari Ahad 4 Disember, 1966.

Pameran itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Yang Berhormat Pengiran Md. Yusuf bin Pengiran Abu Bakar, Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-temasha itu oleh Pengetua S.M.M.P., Doktor Badu Simandjuntak dan juga oleh Yang Berhormat Pengiran Md. Yusuf.

Pada jam 10.15 pagi pula, S.M.M.P. telah mengadakan satu Majlis Penyampaian Penyata Kemajuan dan diikuti dengan Majlis Bahath di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, di-antara penuntut2 S.M.M.P. dengan penuntut2 Brunei di-Singapura yang sedang berchuti di-Tanah Ayer.

Tajok yang di-bahathkan ia-lah 'Sekolah Melayu wajib di-utamakan daripada Sekolah2 Inggeris.' Penchadang ia-lah Pasokan S.M.M.P. manakala Pembangkang ia-lah Pasokan Penuntut2 Brunei di-Singapura. Keputusan-nya di-menangi oleh Pasokan Pembangkang.

Pada sa-belah malam-nya S.M.M.P. telah mengadakan sambutan MALAM PERPI-SAHAN di-Dewan Maktab S.O.A.S. juga dengan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Di-antara achara2 yang telah di-adakan di-temasha itu ia-lah sa-buah Derama Purbawara berkepala "Hanya Tinggal Ratapan" arahan bersama Sulaiman Wahab dan

Yusuf Muhammad dengan pimpinan Serintan Brunei; Peraduan Bintang S.M.M.P.; Bahagian Lelaki dan Perempuan; nyanyian; tarian dan lawak jenaka.

Keputusan peraduan Bintang S.M.M.P. itu ada-lah seperti berikut. Bahagian Lelaki: Johan — Awangku Tajuddin Pengiran Manggong. Naib Johan — Johari Haji Omar. Ketiga—Jawawi Sha'ari. Bahagian Wanita: Johan — Norsiah Abd. Hamid. Naib Johan — Latifah Lakim, Ketiga — Siti Halinah Metamit.

Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dan peserta2 pertandingan tersebut.



Gambar ini di-ambil pada masa keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei untuk merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada pagi hari Ithnin 12 Disember, 1966.

katan, Bandar Brunei untuk merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei pada pagi hari Ithnin 12 Disember, 1966.

Titah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan

DARI MUKA 1

tapa peri mustahak-nya meninggalkan mata pelajaran, menuntut ilmu pengetahuan dan tabah pada melateh penuntut yang lulus kepada laila berpengalaman untuk menjamin taraf hidup ra'ayat Beta dan bahawa segala daya upaya ada-lah di-tumpukan untuk melaksanakan rancangan perkembangan tersebut.

Ahli2 Yang Berhormat akan tidak lama sa-lepas ini menimbangkan kedudukan kewangan di-dalam Negeri ini dan Beta berasa suka hati mendengar bahawa kedudukan ini ada-lah memuaskan. Beta yakin bahawa Ahli2 Yang Berhormat akan

Hormat Menghormati Di-jalan Raya

Berarti Mengelakkan Bahaya

sedia meluluskan perbelanjaan perkembangan bagi tahun hadapan.

Ahli2 Yang Berhormat tentu telah mendengar bahawa susunan2 mata wang yang ada sekarang ini yang mana pada dahulu-nya telah di-kenakan kepada Persekutuan Malaysia, Singapura dan Brunei akan di-tamatkan dalam tahun yang akan datang ini. Oleh yang demikian, maka menjadi perlu-lah bagi Brunei mengambil langkah2 yang sesuai untuk memelihara keselamatan kedudokan-nya sendiri, dan berikutan-nya, termasuk di-dalam susunan undang2 yang ada di-hadapan Ahli2 Yang Berhormat, ia-lah satu Rang Undang2 untuk mengadakan pengeluaran Mata Wang Brunei.

Beta telah mengambil peluang menegaskan betapa penting-nya perkembangan ekonomi, akan tetapi Kerajaan Beta ada-lah menyedari penoh bahawa pada masa ini dan khusus-nya dalam keadaan2 yang sedang di-alami di-dalam dunia sebelah sini maka ada-lah di-perlukan pada mengutamakan ilmu pengetahuan dan laila berpengalaman untuk membentok kemajuan yang terator dalam perkembangan perlembagaan. Kemajuan dalam kedua2 lapangan ini akan bersama2 menentukan keamanan dan ketenteraman Negeri ini.

Walau pun keadaan yang mengachau-bilaukan sa-tenang2 negeri dalam dunia belum lagi selesai, tetapi Beta menguchapkan shukor kahadzrat Tuhan Yang Maha

Kuasa bahawa Negeri kita Brunei telah beransor puleh daripada sebarang kekechauan di-dalam Negeri.

Beta yakin bahawa Ahli2 Yang Berhormat akan suka menyertai Beta pada menyatakan kita semua di-Negeri ini terhutang budi kepada Pasokan2 ia-itu Pulis Di-Raja Brunei, Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pasokan Tentera British siapa yg telah bekerja dengan amat rapat dan bahagia untuk memper-tahankan keselamatan Negeri Brunei ini. Beta se-sungguh-nya berdo'a mudah2an ra'ayat Negeri ini memberikan kerjasama bagi mempertahankan keselamatan, keamanan dan nama baik Brunei Darul Salam ini sentiasa.

Beta tahu bahawa Ahli2 Yang Berhormat penoh menyedari tanggung jawab2 mereka terhadap ra'ayat Brunei dan bahawa dalam penetapan2 mereka, Ahli2 Majlis Mashuarat ini akan sentiasa chuba menyokong sebarang chadangan yang akan memberikan faedah yang muna-fa'at kepada negeri yang mengandongi ra'ayat dalam-nya. Oleh yang demikian, Beta menguchapkan mudah2an Ahli2 Yang Berhormat dapat menchapai segala kejayaan dalam penetapan2 mereka di-sidang Belanjawan yang mustahak ini dan ada-lah menjadi harapan Beta yang sesungguhnya dengan pertolongan Tuhan akan dapat-lah Mashuarat Belanjawan ini menandakan satu peringkat ke hadapan dalam kebajikan dan kemajuan Negeri Brunei Darul Salam."



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan sedang memeriksa Barisan Kehormatan Polis Di-Raja Brunei di-hadapan Bangunan Dewan Kemasharakatan. Bandar Brunei pada pagi Ithnin 12 Disember, 1966.

semer sa-belum Baginda merasmikan Pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan. Di-sabalah kanan Baginda ia-lah Ketua Pasokan Barisan Kehormatan itu, Inspektor Kanan Zakaria.

BERDERMA-LAH KAPADA TABONG BANTUAN ANAK2 YATIM, ORANG2 SAKIT DAN BANDUAN2

Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar Sekolah2 Melayu

PERLAWANAN Bola Jaring dan Bola Tampar antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Bahagian Rendah ia itu Darjah Enam ka-bawah. Perlawanan ini ada-lah sabahagian daripada ranchangan tahunan yang di-kelola-kan dan di-selenggarakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan2 Pembilehan di-tiap2 daerah telah selesai di-jalankan, Pasokan2 yang menjadi Johan dan mewakili daerah masing2 masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri ada-lah saperti berikut:-

BAHAGIAN BOLA JARING

Kumpulan Brunei I. Pasokan Sekolah Melayu SMJA., Bandar Brunei.

Kumpulan Brunei II. Pasokan Sekolah Melayu Benda-hara Sakam, Bunut, Brunei.

Kumpulan Brunei III. Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut, Brunei.

Kumpulan Temburong. Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar.

Kumpulan Belait. Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.

Kumpulan Tutong I. Pasokan Sekolah Melayu Lamunin.

Kumpulan Tutong II. Pasokan Melayu Tanjong Maya.

BAHAGIAN BOLA TAMPAR
Kumpulan Brunei I. Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai, Brunei.

Kumpulan Brunei II. Pasokan Sekolah Melayu Latehan Anggerek Desa, Brunei.

Kumpulan Brunei III. Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandi.

Kumpulan Temburong. Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar.

Kumpulan Belait. Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.

Kumpulan Tutong I. Pasokan Sekolah Melayu Sinaut.

Perlawanan Tinju Brunei-Labuan

BANDAR BRUNEI. — Satu perlawanan tinju antara ahli2 tinju di-Brunei dan Labuan akan di-langsungkan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada jam 8.30 malam hari Sabtu 17 Disember, 1966 di-bawah anjoran Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei.

Menurut Setia Usaha Kehormat Persatuan Tinju Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy, seramai 10 orang ahli2 tinju dari Labuan akan melawan ahli2 tinju dari Negeri Brunei dalam perlawanan tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Muhammad, Yang Dipertua Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei, akan menyampaikan hadiah2 di-temasha tersebut.

DI-SUSUN OLEH MD. HUSAIN ZAINAL

Kumpulan Tutong II. Pasokan S. M. Tanjong Maya.

Perlawanan Peringkat Negeri, untuk merebut gelaran Johan Bola Jaring dan Bola Tampar antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966, akan di-adakan dalam minggu kedua Penggal Pertama Persekola-han tahun 1967.

Perlawanan Bola Jaring dan Bola Tampar Peringkat Menengah antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei.

Perlawanan Pemilehan Bahagian Daerah Brunei dan Temburong ada-lah saperti berikut:-

(i) PADA 28 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Bola Jaring Peringkat Sa-tengah Akhir, bertempat di-gelanggang SMJA, Bandar Brunei, antara Pasokan Maktab SOAS, dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei (Bahagian L.C.E.) Keputusan-nya SOAS menang dengan 7 gol berbalas 5 gol.

(ii) PADA 29 NOVEMBER, 1966: Tiga Perlawanan di-jalankan serempak ia-lah dua perlawanan Bola Jaring dan satu perlawanan bola tampar di-gelanggang SMJA., Bandar Brunei.

a) BOLA JARING: (waktu pagi) Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan S. Menengah Melayu SMJA., de-

ngan Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Keputusan-nya Pasokan STPRI, menang dengan 10 gol berbalas 9 gol.

b) BOLA JARING: (waktu petang) Perlawanan Akhir antara Pasokan Maktab SOAS, dengan Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Keputusan-nya Pasokan STPRI menang dengan 10 gol berbalas 2 gol.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri menjadi Johan Bola Jaring Peringkat Menengah antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Daerah Brunei dan Temburong bagi tahun 1966, dan menjadi wakil masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri. Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Maktab SOAS.

c) BOLA TAMPAR: Perlawanan Akhir antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei, Keputusan-nya Pasokan SMMP menang dengan hetongan mata 15/5 dan 15/7.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama menjadi Johan Bola Tampar Peringkat Menengah antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah Daerah Brunei dan Temburong bagi tahun 1966 dan menjadi wakil masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri, Yang menjadi Naib Johan ia-lah Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei.

BOLA SEPAK

Sumbiling Mengalahkan Belait

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Bola Sepak Kampong Sumbiling telah mengalah. kan Pasokan Bola Sepak Daerah Belait dengan tiga gol tidak berbalas di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 11 Disember, 1966.

Perlawanan Bola Sepak tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Jawatan Kuasa Memungut Derma Hari Raya Puasa kepada Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-Daerah Brunei dan Muara, untuk mengutip derma bagi membantu Tabong Bantuan Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-daerah tersebut.

Md. Noor Mohammad telah menjaringkan dua gol dan Ali Manaf telah menjaringkan satu gol bagi pehah Pasokan Bola Sepak Kampong Sumbiling.

Pada sa-paroh masa kedua2 pasokan telah seri. Gol2 tersebut telah di-jaringkan sa-lepas berehat. Pemain2 dari kedua2 pasokan telah bermain dengan chergas sa-panjang masa. Bagaimana pun, Pasokan Bola Sepak Kampong Sumbiling telah berjaya memenangi perlawanan itu.



Dayang Margaret Burrows, ia-itu isteri Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei Lieutenant Colonel H.F. Burrows telah merasmikan pembukaan Pameran Sains, Lukisan dan Pertukangan Tangan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada pagi hari Ithnin 5 Disember, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Dayang Margaret Burrows sedang berchakap dengan Pengetua Maktab S.O.A.S. Aw. McKnight.

Majlis Perpisahan Guru2 Ugama

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Perpisahan Kelas Sabtu Guru2 Ugama bagi Daerah Brunei/Muara telah diadakan pada pagi 3 Disember, 1966 bertempat di-Dewan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei dengan di-hadiri oleh Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Guru2 kelas tersebut.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dalam ucapan-nya berkata bahawa segala apa jua yang di-lakukan oleh guru2 itu, maka adalah menjadi tauladan kepada murid2 dan masharakat.

Walau pun kursus bagi guru2 Ugama itu baru saja di-usahakan dan di-majukan, tetapi kita telah berjaya men-

adakan kursus sa-tahun, kata beliau.

Sa-terus-nya Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata beliau di-beri tahu bahawa masa sa-tahun itu belum menchukopi dan belum dapat menentukan anak2 tempatan untuk menjawat jawatan sa-bagai guru terlatih di-Sekolah2 Ugama. Tetapi dengan berkat tunjok ajar dan pimpinan guru2 Ugama dari Malaysia, segala kesusahan itu telah dapat di-atasi.

Pada tahun hadapan ia-itu 1967, akan bertambah lagi kemajuan yang akan di-chapai oleh guru2 di-Kelas Sabtu itu. Tahun 1966 ada-lah tahun yang mempunyai banyak ranchangan. Dan pada tahun 1967 akan datang ini, jika di-

izinkan Tuhan, maka kita akan dapat melaksanakan sa-tengah daripada ranchangan2 itu.

Di-antara ranchangan2 tersebut ia-lah Sekolah Menengah Hassnal Bolkiyah akan siap pembenaan-nya pada tahun 1967. Begitu juga Sekolah Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit akan siap pada tahun 1967, dan Maktab Peruguan Ugama, jika tidak aral melintang, maka Maktab ini akan siap pada tahun 1968.

Akhir-nya Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Berhari Raya kepada Guru2 Kelas Sabtu itu.

Majlis di-akhiri dengan bacaan Do'a Selamat.

JAWATAN KOSONG

PEGAWAI PERIKANAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Perikanan di-Pejabat Perikanan, Brunei. Chalon yang berjaya akan di-kehendaki membantu Pegawai Perikanan Negara dalam semua bidang kerja2 perikanan bagi ikan laut atau ikan ayer tawar. Tugas2nya termasuk-lah kerja2 di-luar.

GAJI: Dalam sukatan \$1020x40 — 1620. Gaji permula'an ada-lah bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

KELAYAKANAN2 DAN PENGALAMAN: Chalon2 mesti-lah mempunyai Ijazah dalam Ilmu Hayat dan mempunyai pengalaman dalam kerja ini serta boleh menjalankan tugas tersebut tanpa di-awasi.

TEMPOH PERKHIDMATAN: Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

BAKSIS: Baksis sebanyak 12 1/2% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN: Pada masa ini Chukai Pendapatan tidak di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 20 Disember, 1966.

JAWATAN KOSONG

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi tiga jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Setor2 dan Perbekalan, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan E 1-2 EB 3 \$200x10 — 270/EB/280x10 — 330. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

KELAYAKANAN2: Chalon2 urtok perlantikan mesti-lah berumur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau Darjah VII

Melayu dan baik dalam Ilmu Hisab.

SHARAT2 LANTEKAN: Chalon2 yang berjaya yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantikan sechara berkontrek atau sechara sa-bulan kasa-bulan dan akan menjani masa perchubaaan sa-perti lazim-nya.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 17 Disember, 1966.

PEMANDU OUTBOARD

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari raayat Sultan atau yang berhak di-daftarkan menjadi raayat Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Pemandu Outboard di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam memandu outboard selama beberapa tahun dan boleh memperbaiki kerosakan kechil jentera outboard.

Mereka mesti-lah bersedia bertugas di-sebarang daerah dalam negeri ini.

GAJI: Dalam sukatan gaji F. 2 EB 3 — \$180x5 — 195/EB/200x5 — 220.

**GUNAKAN-LAH
BAHASA
MELAYU**

8 Lagi Persatuan2 Peladang Di-Tubuhkan

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 8 buah lagi Persatuan2 Peladang telah di-terima menjadi ahli gabungan Persekutuan Persatuan2 Peladang Negara Brunei baru2 ini.

Persatuan2 Peladang itu ia-lah Persatuan Peladang Kampong Bukit Panggal, Persatuan Peladang Kampong Perpindahan Duhun, Persatuan Peladang Kampong Meranking Ulu, Persatuan Peladang Kampong Sebatik, Persatuan

Peladang Kampong Lumapas, Persatuan Peladang Kampong Perpindahan Pandan, Persatuan Peladang Kampong Lamunin Selatan dan Persatuan Peladang Kampong Pandan.

Dengan tertubuh-nya delapan buah lagi Persatuan2 Peladang itu, maka jumlah Persatuan2 Peladang di-seluruh negara telah meningkat kepada 39 buah dan mengandungi ahli2 sa-ramai lebeh kurang 1,600 orang.

Persatuan Peladang Tanjong Maya Di-Tubuhkan

TUTONG. — Penduduk2 Kampong Tanjong Maya telah menubuhkan sa-buah Persatuan Peladang baru2 ini. Persatuan itu di-beri nama 'Persatuan Peladang Tanjong Maya, Tutong'.

Sa-belum di-jalankan mashuarat bagi membincangkan atas penubuhan persatuan tersebut, ucapan2 telah di-sampaikan oleh Wakil Penolong Pegawai Pertanian, Tutong, Aw. Othman bin Uking, Yang Berhormat Aw. Md. Zain Serudin, Awang Mohiddin bin Ghani dan oleh Pengerusi Sementara Awang Md. Zain bin Tengah.

Mashuarat di-adakan bertempat di-Balai Raya Tanjong Maya pada pagi hari Juma'at 2 Disember 1966.

Mashuarat tersebut telah di-Pengurusikan oleh Awang Md. Diah bin Haji Layeh.

Ahli2 jawatan kuasa yang di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah saperti berikut:

Yang Di-Pertua: Aw. Sabli bin Haji Yusof. Naib yang Di-Pertua Aw. Junidi bin Ismail. Setiausaha Kehormat: Awg. Md. Diah bin Hj. Layeh, Penolong Setiausaha Kehormat: Awang Md. Zain bin Tengah. Bendahari: Awang Mohiddin bin Umar. Setiausaha Penerangan: Awang Yaakub bin Sidek.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Shahbuddin bin Yakub, Awang Abu Bakar bin Hj. Ahmad, Awang Abd. Lahai bin Lakim, Awang Sulaiman bin Abd. Ghani, Awang Abd. Latif bin Penyurat Pali dan Awang Lungga bin Lu-yog. Berita kiriman T.M. Zain.



Gambar ini di-ambil sa-waktu D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin hendak berangkat ka-Istana sa-lepas Baginda merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ithnin 12 Disember, 1966. Dalam gambar ini kelihatan antara-nya: Dari kiri di-hadapan ia-lah Speaker Majlis

Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohammad Jahfar; D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan; Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F.D. Webber; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Steshen Radio Talipon HF Siap Di-Bena D-Malilas

BANDAR BRUNEI. — Malilas, ia-itu sa-buah kampung di-Ulu Belait, berdekatan sempadan dengan Sarawak, letak-nya kira2 120 batu jauh-nya melalui jalan sungai dari Kuala Belait telah di-hubungkan oleh alat radio talipon dengan Kuala Belait dan Bandar Brunei.

Pengawal Talikom Negara Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohamed berkata bahawa sa-buah Steshen Radio Talipon HF telah siap di-bena di-Mukim Melilas pada hari Sabtu 3 Disember, 1966.

Malilas ada-lah Mukim yang pertama sekali di-negeri ini yang sudah di-lengkapkan dengan Steshen Radio Talipon HF itu.

Beberapa buah Steshen Radio Talipon HF akan di-bena di-lain2 Mukim dan Kampung di-seluruh Negeri Brunei sa-baik sahaja alat2 radio talipon itu tiba di-Brunei dari luar negeri.

PERKHEMAHAN PENGAKAP DAERAH TUTONG

TUTONG. — Kumpulan Pengakap Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah menganjorkan satu Perkhemahan Pengakap bagi Pasokan2 Pengakap di-seluruh Daerah Tutong pada hari Ahad 11 Disember, 1966 dan hari Ithnin 12 Disember, 1966. Seramai kira2 150 orang Pengakap telah hadir di-Perkhemahan Pengakap tersebut.

Menurut Pengawas Perkhemahan Pengakap tersebut, Pemimpin Pengakap Daerah Tutong, Che'gu Abu Yussof, perkhemahan itu ia-lah selaku perintis jalan kerana ini-lah pertama kali-nya di-adakan Perkhemahan Pengakap sa-demikian oleh Daerah Tutong dengan sendiri-nya.

Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Brunei, Aw.

Charles Keasberry telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap tersebut, manakala Pesuruhjaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Mohd. Yussof pula telah menutup perkhemahan itu dengan rasmi-nya.

Berbagai2 achara telah di-adakan di-perkhemahan itu. Antara-nya ia-lah temasha Unggun Api; Perlawanan2 antara Pasokan2 dan berbagai2 jenis permainan.

Pesuruhjaya Latehan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Mohd. Yussof telah merasmikan pembukaan temasha Unggun Api.

Keputusan perlawanan2 antara Pasokan2 ada-lah seperti berikut: Pertama — Pasokan S. M. Kiudang. Kedua — Pasokan Sekolah Melayu Muda Hashim. Ketiga — Pasokan Sekolah Melayu Sinaut.

Derma Untuk Anak2 Yatim

BANDAR BRUNEI. — Kegiatan mengutip Derma Hari Raya Puasa bagi membantu Tabong Bantuan Anak2 Yatim, Banduan2 dan Orang2 Sakit di-Daerah Brunei dan Muara sedang berjalan dengan lancar-nya. Demikian kata Setia Usaha Jawatan Kuasa Mengutip Derma tersebut, Pengiran Abbas bin Pengiran Haji Besar.

Pengiran Abbas meminta kepada Ketua2 Kampung di-Daerah Brunei dan Muara supaya menghantar nama anak2 yatim dalam kawasan kampung masing2 kepada beliau di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat dari pertengahan bulan Puasa ini.

Beliau menegaskan lagi bahawa jika sa-kira-nya tidak ada Ketua Kampung di-tempat yang anak2 yatim itu tinggal, maka keluarga yang menanggung anak2 yatim di-kampung itu ada-lah di-min-ta kerjasama mereka menghantarkan nama anak2 yatim itu kepada beliau bersama2 dengan Surat Beranak mereka sekali sa-belum tarikh tersebut.